

Salam,

Tuan/puan yang dihormati sekalian,

Adalah dimaklumkan beberapa perubahan dijangka akan dilakukan terhadap dasar penajaan SLAB/SLAI bagi tahun 2010 (tertakluk kepada kelulusan) dan ini adalah makluman awal. Kami akan maklumkan semula selepas keputusan secara rasmi diperolehi nanti.

- a. Syarat IELTS atau setaraf akan dinaikkan kepada 6.5 mulai tahun 2010 dan mereka yang memulakan pengajian selepas 1 Jan 2010 akan terlibat bagi pengajian keluar negara sahaja.
- b. Pengajian dalam negara dijangka akan dikecualikan IELTS sepenuhnya c. Umur penajaan akan dinaikkan kepada 45 tahun pada tarikh memulakan pengajian dan hanya untuk penajaan dalam negara sahaja (luar negara kekal 40 tahun) d. Bagi pengajian ke negara timur tengah yang menggunakan bahasa arab sepenuhnya, syarat IELTS dijangka akan dikecualikan.
- e. Penajaan 2010 lebih tertumpu ke USA dan jepun berbanding UK/Ireland atau australia (pelajar dah terlampau ramai di sana berbanding USA).
- f. Kouta dalam negara lebih banyak disediakan kerana peruntukan semakin terhad g. Tiada lagi kajian yang menggunakan data kajian dalam negara (penyelidikan sepenuhnya luar negara) h. Tawaran ke UK (yang amat terhad) hanya dipertimbangkan bagi tawaran yang tiada bench fees dan universiti tersohor sahaja yang memenuhi ranking atau rating 5*

Tempoh pengajian hendaklah selama 3 tahun sahaja (new route program tidak dibenarkan sama sekali) bagi ke UK/australia/NZ dan 48 bulan bagi ke USA/negara eropah.

Kami akan maklumkan semula makluman diatas selepas keputusan kertas dasar berkenaan diluluskan secara rasmi.

Sekian dimaklumkan. Terima kasih.

Wassallam

Hussin Mahmud
Unit IPTA
Bhg. Biasiswa
MOHE